



**DR AZHAR IBRAHIM:** Budaya mengajar kita yang tersirat dan tersurat; menjadikan kita awas akan dunia yang kompleks... mengajar kita mencari ruh yang terkandung dalam kehidupan dan amalan. – Foto fail

## Pensyarah: Budaya tali pengikat bangsa

BUDAYA mengikat seseorang dengan masyarakatnya dan mengelakkannya daripada berasa terasing.

Rasa kekosongan dan keterasingan boleh menyebabkan seseorang mencari jalan alternatif untuk berpaut, termasuk menjadi radikal dan ekstrem.

Demikian menurut Dr Azhar Ibrahim, pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Nasional Singapura (NUS) ketika memberi pandangan bagaimana budaya dapat menjadi benteng pelbagai ancaman, termasuk fahaman ekstrem.

Menurutnya, hubungan rapat dengan alam kebudayaan mempunyai banyak kesan positif.

Antara lain, ia menjadi penguat identiti – memberi rasa yakin diri, maruah dan harga diri.

“Kita hadir dalam masyarakat dan dunia untuk menyumbang. Ini hanya terlestari kalau kita sendiri yakin dengan budaya sendiri,” ujarnya.

Budaya, jelasnya, membawa masyarakat berfikir akan kehalusan, estetika (keindahan, cita rasa), mencari kesempurnaan menerusi rasa kepedulian dan kemanusiaan sejahtera.

“Budaya mengajar kita yang tersirat dan tersurat; menjadikan kita awas akan dunia yang kompleks... mengajar kita mencari ruh yang terkandung dalam kehidupan dan amalan.

“Berbudaya menjadikan kita terikat dengan akar dan lingkungan tempat kita dilahir dan dibesarkan, mengelakkan manusia daripada gejala keterasingan dan rasa terpukul tidak dapat menyesuaikan diri kepada dunia yang kita diami.

“Budaya menjadi pemantap kepada perubahan sosial/politik besar.

“Ramai yang terjerumus ke arah radikal dan ekstrem kerana keterasingan dan kekosongan ini, lantas mencari jalan alternatif untuk berpaut,” jelas Dr Azhar.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta memberi reaksi berhubung ucapan Encik Masagos Zulkipli Masagos Mohamad, penasihat Majlis Penyelaras Kumpulan-Kumpulan Kegiatan Melayu Persatuan Rakyat (Mesra), sempena ulang tahun ke-40 Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bulan lalu.

Semasa berucap, Encik Masagos, yang juga Menteri Sekitaran dan Sumber Air, antara lain berkata fahaman agama ekstrem boleh membawa kepada penganasan dan melemahkan budaya Melayu. Namun cinta kepada bahasa dan budaya boleh menjadi benteng dalam mencegah penyusupan fahaman yang konteks budaya masyarakatnya tidak sama dengan konteksnya Melayu Nusantara.

Menjelaskan tentang teras atau ciri Budaya Melayu, Dr Azhar berkata budayanya lahir dengan unsur kenusantaraan dan disepadankan dengan tradisi Islam yang dipegang oleh etnik Melayu. Unsur kebudayaan serantau dan luar menjadikannya sebuah budaya yang dinamik.

Teras kebudayaan Melayu Singapura berkembang dari alam Melayu-Riau, dengan suku Melayu berbahasa Melayu bertebaran di rantau ini.

Pengalaman sebagai Negeri Selat dengan kemajmukan dalam sistem bukan beraja membentuk sifat Melayu Singapura yang berbeza daripada Melayu dalam negeri beraja. Pola kebudayaannya lebih anjal dan majmuk.

Sifat kosmopolitan dengan pembauran budaya yang deras, datang daripada pelbagai unsur, memberi imbuhan besar kepada pengalaman dan ciri budaya Melayu Singapura, tambah beliau.

Dr Azhar juga menyebut beberapa cara memelihara dan mengembangkan budaya Melayu Singapura. Ini termasuk menerusi pendidikan, sastera, seni (seni tampak dan halus) dan tradisi intelektual dan agama.

Menurutnya, terdapat banyak institusi masyarakat yang bergerak dalam hal itu.

Memelihara terkadang lebih mudah daripada mengembangkan yang baru, senada dengan keperluan semasa.

“Budaya hidup dengan penciptaan baru dan bukan sekadar pemuliharaan saja.

“Perlu ada ‘ideologue’ dan kumpulan kebudayaan mapan, yang menjadi cita teladan kepada yang lain.

“Maka itu, kepimpinan kebudayaan dan keintelektualan di sini sangat perlu,” kata beliau lagi.